

20 MAY 1999

Hafizam-Kerja

HAFIZAM BERTUGAS SEMULA BULAN DEPAN, KINI KESIHATANNYA PULIH

ALOR SETAR, 20 Mei (Bernama) -- Penderma hati, Wan Mohd Hafizam Wan Ismail dijangka mula bertugas semula pada awal bulan depan, dengan beliau mengakui kesihatannya kini telah pulih sepenuhnya.

Mohd Hafizam, 23, ketika ditemui hari ini berkata, kini beliau tidak lagi merasa sebarang kesakitan dan mampu menjalankan tugasnya sebagai Pembantu Tadbir di Klinik Kesihatan Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada bila-bila masa.

"Cuti saya akan berakhir pada hujung bulan ini, bagaimana pun ianya bergantung kepada nasihat doktor... jika perlu saya cuti, saya akan bercuti lagi," katanya kepada pemberita di Pusat Pakar Utara (PPU) di sini.

PPU hari ini mengadakan satu majlis penghargaan kepada Mohd Hafizam kerana pengorbanan beliau untuk menyelamatkan nyawa seorang kanak-kanak, Mohd Afiq Iqmal, 14 bulan dengan mendermakan sebahagian daripada hatinya.

Pada majlis itu, beliau turut menerima sumbangan daripada PPU yang berupa rawatan perubatan percuma selama tiga bulan dalam tempoh pemulihan di pusat perubatan swasta itu.

Selain itu Mohd.Hafizam juga menerima Kad Istemewa Pelanggan secara percuma yang melayakkan beliau menerima rawatan pada kadar diskaun setelah tamat tempoh pemulihan itu.

Surat pengharaan dan kad istemewa pelanggan itu disampaikan oleh Timbalan Pengarah Perubatan PPU Dr Vishar Kumar dengan dihadiri oleh anggota keluarga Hafizam serta anggota jawatankuasa Persatuan Wisalah Wan Kedah.

Hafizam yang merupakan anggota persatuan itu, baru-baru ini turut menerima anugerah "Selendang Pahlawan" daripada persatuan itu yang disarungkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika beliau melawat Kedah.

Beliau yang telah mendapat jawatan tetap berkata akan meneruskan khidmatnya di universiti terbabit dan tidak mempunyai hasrat untuk menukar tempat kerja.

Pada 13 April lalu, Mohd Hafizam telah mendermakan sebahagian hatinya kepada kanak-kanak itu dalam satu pembedahan pemindahan hati di Pusat Prubatan Subang Jaya, Selangor.

-- BERNAMA

MN PR